


# **KOMUNIKASI antara BUDAYA yang EFEKTIF: CABARAN, AKULTURASI dan ADAPTASI BUDAYA PELAJAR ANTARABANGSA di UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**





# **KOMUNIKASI antara BUDAYA yang EFEKTIF: CABARAN, AKULTURASI dan ADAPTASI BUDAYA PELAJAR ANTARABANGSA di UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**Halina Sendera Mohd Yakin  
Andreas Totu**

**PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Kota Kinabalu • Sabah • Malaysia

<http://www.ums.edu.my>

2019

---

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

© Universiti Malaysia Sabah, 2019

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesihihan maklumat yang terdapat dalam buku ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna buku ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam buku ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan buku ini.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Halina Sendera Mohd. Yakin, 1974-

## KOMUNIKASI ANTARA BUDAYA YANG EFEKTIF : CABARAN, AKULTURASI DAN ADAPTASI BUDAYA PELAJAR ANTARABANGSA DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH / HALINA SENDERA MOHD YAKIN, ANDREAS TOTU.

ISBN 978-967-2166-52-8

1. Communication and culture.
  2. Students, Foreign.
  3. Education, Higher--Malaysia.
  4. Universities and colleges--Malaysia.
  5. Government publications--Malaysia.

I. Andreas Totu, 1964-

II. Judul.

302.2

Muka taip teks: Cambria

Saiz taip teks dan *leading*: 11/14 poin

Diterbitkan oleh: Penerbit Universiti Malaysia Sabah  
Tingkat Bawah, Perpustakaan  
Universiti Malaysia Sabah  
Jalan UMS

Dicetak oleh: 88400 Kota Kinabalu, Sabah.  
Percetakan Keningau Sdn Bhd (63932H)  
Lot 26, Phase 1, HSK Industrial Centre, km 8,  
Jalan Penampang, 88300 Kota Kinabalu, Sabah.

## Kandungan

<b><i>Senarai Jadual</i></b>	vi
<b><i>Senarai Rajah</i></b>	vi
<b><i>Prakata</i></b>	vii
<b><i>Penghargaan</i></b>	xi
<b>Bab 1</b> Pengenalan	1
<b>Bab 2</b> Aspek Konseptual dan Teoretikal dalam Penyelidikan Komunikasi antara Budaya	17
<b>Bab 3</b> Pelajar Republik Rakyat China (RRC) di Universiti Malaysia Sabah (UMS)	31
<b>Bab 4</b> Kejutan Budaya dan Hambatan dalam Hubungan antara Budaya	41
<b>Bab 5</b> Akulturasi dan Adaptasi Budaya	51
<b>Bab 6</b> Hubungan antara Budaya yang Efektif	59
<b>Bab 7</b> Rumusan	71
<b>Rujukan</b>	75
<b>Lampiran</b>	79
<b>Indeks</b>	87

## Senarai Jadual

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
3.1 Statistik pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Sabah pada tahun 2014 (berdasarkan negara dan jantina)	39
3.2 Statistik pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Sabah pada tahun 2007 (berdasarkan negara, jantina dan program pengajian)	40

## Senarai Rajah

<b>Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
5.1 Statistik penduduk Sabah pada tahun 2010 mengikut kelompok etnik berdasarkan Buku Perangkaan Tahunan 2014	42
6.1 Model Cadangan Pembinaan Hubungan antara Budaya yang Efektif	70

## Prakata

Buku ini sebahagian besarnya adalah hasil laporan penyelidikan yang dibiayai oleh UMS di bawah geran SGPUMS bidang keutamaan selama dua tahun, iaitu bermula pada bulan Februari 2014 sehingga laporan berjaya dihantar pada Februari 2016.

Secara umumnya, penerbitan manuskrip ini diusahakan untuk mencapai beberapa matlamat, iaitu pertama untuk memberi sedikit sebanyak panduan kepada para pelajar antarabangsa [sama ada dari Republik Rakyat China (RRC) ataupun dari negara lain] khususnya di UMS dalam membina hubungan antara budaya yang lebih baik. Selain itu, penulis juga berharap agar cadangan yang dikemukakan dapat dimanfaatkan oleh institusi pengajian tinggi awam khususnya sebagai ‘tuan rumah’ dan juga masyarakat sekeliling umumnya sebagai masyarakat penerima para pelajar antarabangsa berkenaan. Memahami sifatnya yang agak ilmiah dengan perincian konsep-konsep serta teori-teori dalam bidang berkenaan, maka diharapkan penulisan ini juga mampu dijadikan sumber rujukan para pelajar di institusi pengajian tinggi, khususnya mereka yang mengambil bidang komunikasi umumnya dan kursus atau subjek komunikasi antara budaya khususnya. Penulis berharap dapat menerbitkan manuskrip dalam bahasa Inggeris selepas ini untuk menjangkau liputan yang lebih luas di peringkat antarabangsa.

Buku ini merangkumi tujuh bab. Bab Pertama yang dirujuk sebagai pengenalan memerihalkan latar belakang dan matlamat kajian yang secara khususnya diilhamkan untuk memberi sumbangan dalam upaya merungkai persoalan berhubung pengalaman antara budaya pelajar antarabangsa di UMS, bertunjangkan kepada bahan penelitian yang berkisar tentang akulturasi, adaptasi, masalah dan kekangan dan juga mekanisma adaptasi budaya yang dialami oleh para responden. Bertunjangkan pendekatan kajian kes, penyelidikan bersifat kualitatif ini mengaplikasikan teknik temu bual dan pemerhatian turut serta sebagai kaedah pengumpulan data. Data-data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif dan interpretatif dengan membuat transkripsi, penyusunan dan pengekodan kategori secara triangulasi dan berpola.

Bab Kedua pula membicarakan aspek teoretikal dan konseptual yang lazimnya diaplikasikan dalam penyelidikan dan penulisan berhubung bidang ilmu komunikasi antara budaya. Dua teori telah disintesiskan untuk mengkaji senario dan pengalaman antara budaya pelajar RRC di UMS, iaitu Teori Adaptasi Silang Budaya oleh Kim dan Teori Akulturasi oleh Berry. Selain itu, bab ini memperincikan tentang konsep-konsep yang diutilisasikan dalam penyelidikan, iaitu konsep penghijrahan, akulturasi, kejutan budaya, adaptasi budaya, halangan dalam hubungan antara budaya, imigran atau penghijrah dan masyarakat penerima. Bab Ketiga pula menceritakan tentang demografi subjek dan lokasi kajian, iaitu pelajar antarabangsa dari RRC di UMS. Wacana dimulakan dengan penerangan secara umum berhubung masyarakat China di RRC dan seterusnya perbincangan dikhususkan kepada para pelajar RRC yang sedang melanjutkan pengajian di UMS.

Wacana berhubung kejutan budaya dan hambatan dalam hubungan antara budaya menjadi fokus utama dalam Bab Empat. Penelitian awal yang bersifat mikro (tanpa biaya atau geran) telah dilakukan oleh penulis pada tahun 2007 terhadap para pelajar yang datang dari negara yang sama. Dalam tempoh hampir sedekad, terdapat beberapa perbezaan yang dilihat berhubung pengalaman antara budaya pelajar dari negara berkenaan. Sudah menjadi lumrah, masyarakat penghijrah termasuklah para pelajar antarabangsa akan mengalami kejutan budaya pada awal fasa migrasi terutamanya individu yang mengamalkan strategi pemisahan dalam akulturasi mereka. Kontrasnya, penemuan kajian memperlihatkan sesuatu yang agak berbeza. Walaupun para pelajar mengalami atau mencapai suatu tahap kejutan budaya, tetapi ia hanya bersifat minimum dan lazimnya mereka mampu mengatasi kehidupan bermigrasi di tempat ini dalam cara yang agak selesa. Kesimpulannya, hambatan dalam penguasaan bahasa merupakan penyumbang primer yang mengakibatkan wujudnya kejutan budaya dalam kalangan pelajar dari RRC kerana memberi impak signifikan dalam pergaulan sosial sehari-hari dan membantutkan hubungan antara budaya. Selain itu, ia turut

menjejaskan prestasi akademik mereka. Sementara itu, aspek-aspek perbezaan budaya yang lain boleh ditoleransi dan disifatkan sebagai masalah minor sahaja.

Bab seterusnya, iaitu Bab Lima dikhaskan untuk membincangkan persoalan berhubung senario akulturasi dan perubahan budaya yang dialami pelajar RRC setelah berhijrah dan menyambung pengajian di UMS. Di samping itu, bab ini juga memperincikan tentang mekanisma adaptasi budaya yang dipraktikkan para pelajar RRC sepanjang pengajian dan penghijrahan mereka, yang diklasifikasikan berdasarkan tema-tema seperti komunikasi verbal dan non-verbal (*kinesics*) serta penguasaan bahasa, hubungan dengan masyarakat sebangsa (*co-nationals*) serta masyarakat tempatan, corak petempatan berkelompok dan khidmat orang tengah (*intermediary person*).

Perbincangan berhubung cadangan untuk membina hubungan antara budaya yang lebih efektif dieksklusifkan dalam Bab Enam. Keharmonian dalam kepelbagaiannya dan hubungan antara budaya boleh dicapai sekiranya kedua-dua pihak, iaitu golongan penghijrah (*sojourners*) dan golongan masyarakat penerima (*host society*) saling menghormati dan memahami tanggungjawab masing-masing. Bab ini membincangkan beberapa strategi atau mekanisma yang boleh dipraktikkan bagi mewujudkan atau merealisasikan impian untuk hidup bersama secara harmoni. Antara mekanisma yang dicadangkan untuk pelajar penghijrah adalah memahami komponen-komponen kompetensi komunikasi antara budaya, membina hubungan positif dengan masyarakat tempatan (*host society*), mendapatkan khidmat kaunseling serta mengelakkan sentimen negatif dan memperbaiki persepsi terhadap masyarakat tempatan. Bagi masyarakat penerima pula disarankan beberapa alternatif yang boleh dipraktikkan, misalnya menyokong ideologi kemajmukan budaya dengan membina sensitiviti terhadap diversiti dan kepelbagaiannya budaya, menyediakan khidmat badan pengurus atau orang perantaraan, menyediakan khidmat kaunseling khusus kepada pelajar antarabangsa, menyediakan kursus dan aktiviti berhubung budaya tempatan serta menyediakan *one stop centre* untuk keperluan pelajar antarabangsa.

Sebagaimana kelazimannya, bab akhir adalah rumusan dan perbincangan secara holistik berhubung fenomena pengalaman, cabaran, adaptasi dan akulturasi pelajar antarabangsa di institusi pengajian tinggi di Malaysia dalam upaya membentuk senario hubungan antara budaya yang lebih efektif. Dalam usaha kerajaan untuk memartabatkan institusi pendidikan di peringkat antarabangsa, diharapkan kelahiran buku ini sedikit sebanyak dapat memberi sumbangan positif dalam upaya membina hubungan antara budaya di peringkat global khususnya menerusi bidang pendidikan.

## Penghargaan

**S**yukur tidak terhingga kepada-Nya atas kudrat dan ilham yang diberikan dalam menjayakan penerbitan buku ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang telah membentuk geran penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Universiti Malaysia Sabah (SBK0139-SS-2014) bidang keutamaan.

Penghargaan juga ditujukan kepada Penerbit UMS yang telah memberikan kerjasama padu sepanjang proses penerbitan dan juga pewasit, atas komen serta cadangan yang diberikan untuk memantapkan lagi penerbitan ini. Buku ini juga tidak akan berjaya dihasilkan sepenuhnya tanpa bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak. Seyogia, penghargaan ini ditujukan buat Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) dan Borneo Institute of Indigenous Studies (BorIIS). Sekalung penghargaan juga ditujukan buat semua informan dan responden kajian yang telah memberikan kerjasama dan informasi berguna sepanjang penelitian di lapangan dilaksanakan. Tidak lupa juga buat rakan penyelidik atas pertolongan yang dihulurkan dan idea serta nasihat yang dikongsikan bersama. Buat keluarga tercinta, terima kasih atas segalanya.

Terima kasih semua.

**Halina Sendera Mohd Yakin, PhD**

**Andreas Totu, PhD**

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa

Universiti Malaysia Sabah

